

Headline	Perak berjaya tanam semula 7.88 juta pokok setakat ini: MB		
MediaTitle	Utusan Borneo Sabah		
Date	12 May 2024	Color	Full Color
Section	General News	Circulation	11,223
Page No	7	Readership	33,669
Language	Malay	ArticleSize	115 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 467
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,401



Perak berjaya tanam semula 7.88 juta pokok setakat ini: MB

KAMPAR: Perak menanam sebanyak 7.88 juta pokok setakat ini melebihi sasaran enam juta yang ditetapkan kerajaan Persekutuan melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok 2021-2025, kata Menteri Besar Datuk Seri Saarani Mohamad.

Beliau berkata kempen yang dimulakan pada tahun 2021 itu sepatutnya menasaskan tanam semula pokok sebanyak dua juta setahun namun dalam tempoh tiga tahun negeri ini telah melebihi sasaran ditetapkan.

"Ia tidak termasuk 10,000 pokok (ditanam) oleh Aeon Credit Service (M) Berhad (Aeon Credit) hari ini, dengan kerjasama pelbagai pihak kita yakin sasaran 100 juta pokok boleh kita capai," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Pemuliharaan Biodiversiti (Afforestation) Aeon Credit di Taman Alam Kinta, di sini semalam.

Sementara itu, bagi mengekalkan biodiversiti alam semula jadi kerajaan negeri akan meningkatkan penguatkuasaan di hutan simpan kekal negeri bagi mengelak pencerobohan kawasan berkenaan.

Terdahulu pada Khamis lepas, lapan rakan masing-masing didenda RM7,000 oleh Mahkamah Sesyen di Kuala Kangsar selepas mengaku bersalah atas pertuduhan memasuki Hutan Simpan Banding tanpa permit pada Mac lepas.

Sementara itu, Pengarah Urusan Aeon Credit Daisuke Maeda dalam ucapannya berkata, program semalam merupakan inisiatif kerjasama strategik untuk memulihkan biodiversiti di Taman Alam Kinta selaras dengan usaha berterusan Aeon Credit ke arah mewujudkan persekitaran lebih mampan untuk masyarakat setempat.

Beliau berkata projek dengan kerjasama Perbadanan Taman Negeri Perak (PSPC) dan FRIM Incorporated Sdn. Bhd itu menasaskan menanam semula 10,000 pokok hutan spesies tempatan dan spesies daripada Senarai Merah Spesies Terancam Kesatuan Antarabangsa untuk Pemuliharaan Alam (IUCN) serta spesies pokok buah-buahan menjelang September 2024.

"Kerjasama yang luar biasa ini menandakan permulaan perjalanan transformatif bagi menambah baik biodiversiti taman ini selain menyumbang ke arah tindakan perubahan iklim melalui sekuestrasi karbon," katanya.

Beliau berkata kumpulan itu juga akan bertanggungjawab ke atas penyelenggaraan pokok-pokok ini selepas ditanam.

"Selepas 36 bulan, Aeon Credit akan menyerahkan pokok yang ditanam kepada PSPC yang bercadang untuk membangunkan kawasan itu menjadi destinasi ekopelancongan," tambahnya. — Bernama